

Serangan berdarah di beberapa lokasi di Paris, Perancis, baru-baru ini mengejutkan seluruh dunia, apatah lagi apabila ia didakwa didalangi militan Negara Islam (IS).



Seluruh dunia mengutuk serangan berkenaan yang mengorbankan ratusan nyawa individu tidak berdosa manakala ratusan mangsa lain cedera. Senario keganasan itu meningkatkan kebimbangan dunia termasuk Malaysia bahawa tidak ada negara yang 'kebal' daripada aktiviti militan yang perlu dibanteras habis-habisan di peringkat awal lagi termasuk mewujudkan undang-undang khusus anti-keganasan.

Serangan terhadap Perancis itu mencetuskan banyak persoalan dan pandangan kritis pemerhati politik antarabangsa terutama punca negara berkenaan menjadi sasaran.

Wartawan Eksekutif Metro Ahad Meor Riduwan Meor Ahmad mendapatkan pandangan Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Muzaffar Syah Mallow.

Kebelakangan ini aktiviti keganasan semakin meningkat. Jika dulu dikaitkan dengan rangkaian al-Qaeda, kini kumpulan militan Negara Islam (IS) pula mengambil tempat. Apa pandangan Dr?

Ya, jika dilihat perkembangan semasa, aktiviti membabitkan keganasan ini kian meningkat dari tahun ke tahun. Semua negara dalam dunia termasuk negara Islam perlu menjalinkan kerjasama bagi menentang serta membendung aktiviti keganasan dan paling penting mencari punca ia meningkat terutama yang dilakukan oleh segelintir umat Islam.

Ia mungkin berpunca perasaan tidak puas hati umat Islam terhadap Barat yang dilihat sering mencampuri urusan negara Islam, menguasai sektor ekonomi terutama negara Islam yang kaya dengan hasil bumi seperti petroleum, memberi sokongan politik terhadap diktator pemimpin Islam yang memerintah negara Islam dan lain-lain lagi.

Ia juga mungkin berpunca daripada tindakan segelintir masyarakat Barat yang sering salah tafsir, kurang memahami dan suka membandingkan Islam dengan aktiviti keganasan serta tindakan segelintir individu Barat yang berterusan berselindung di sebalik tirai kebebasan bersuara untuk menghina Islam dan penganutnya.

Ada andaian mengatakan serangan berdarah di Paris hanya alasan untuk 'menghalalkan' tindakan ganas Perancis menggempol Syria kononnya bagi menghapuskan IS sama seperti kes Amerika Syarikat menyerang Iraq selepas peristiwa 11 September 2001. Komen Dr?

Sudah pasti tindakan segera harus diambil oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan sesebuah negara bagi melindungi diri serta rakyat mereka daripada keganasan yang sudah serta yang akan berlaku.

Tindakan kerajaan Perancis baru-baru ini yang menyerang negara Syria atas alasan untuk menghapuskan aktiviti keganasan yang dikatakan menjadi punca kepada peristiwa pembunuhan beramai-ramai pada 13 November di Paris itu dilihat ramai sebagai terburu-buru serta bertentangan dengan prinsip undang-undang

ANCAMAN PENGGANAS

'Mereka harus tahu Islam tidak pernah menyuruh umatnya melakukan kegiatan keganasan'



serta konvensyen antarabangsa.

Seharusnya kerajaan Perancis melakukan siasatan terlebih dulu untuk mendapatkan kesahihan dalang sebenar di sebalik kejadian itu sebelum mengambil tindakan terhadap mana-mana kumpulan atau negara lain.

Pada pendapat Dr, apakah sebabnya Perancis diserang? Kita akui sebelum ini ada insiden serangan ganas termasuk tragedi pembunuhan di pejabat majalah satira, Charlie Hebdo.

Saya melihat beberapa faktor yang menyebabkan kota raya Paris serta beberapa tempat di Perancis sering menjadi sasaran keganasan seperti tindakan segelintir individu di negara terbabit yang sering serta suka menghina agama Islam serta agama lain atas alasan kebebasan mutlak bersuara.

Ini menyebabkan perasaan umat Islam serta penganut agama lain disakiti, sebab lain juga mungkin berpunca daripada masalah

pelarian yang sedang berlaku dari Syria & Iraq sekarang akibat daripada peperangan yang berlanjutan hampir lima tahun hingga beberapa individu pengganas mengambil peluang untuk menyamar sebagai pelarian serta memasuki Perancis untuk melakukan keganasan.

Sebab lain, berkemungkinan daripada peranan serta sokongan kerajaan Perancis terhadap musuh ketat umat Islam dan negara Barat lain untuk melakukan serangan ke atas beberapa negara Islam di Timur Tengah serta Afrika. Tidak dilupakan faktor sejarah iaitu Perancis pernah menjajah negara Islam di Timur Tengah serta Afrika menyebabkan perasaan dendam wujud dalam kalangan generasi muda yang mahu menebus maruah mereka.

Perancis antara negara di Eropah yang mengamalkan dasar terbuka dan menerima kedatangan ramai migran terutama dari Timur

Tengah. Bagaimana Dr melihat kesan serangan ini terhadap dasar negara itu terhadap imigran asing selepas ini?

Ya, Perancis antara negara Eropah yang menerima kemasukan migran dari Timur Tengah serta Afrika. Akibat dasar terbuka diumumkan oleh kerajaan Perancis ini, pada masa sama menyebabkan negara terbabit terdedah kepada risiko kemasukan pengganas serta kumpulan radikal yang mempunyai niat jahat untuk melakukan keganasan terhadap negara terbabit.

Walaupun baru menghadapi peristiwa keganasan menyebabkan ramai nyawa rakyatnya terkorban, kerajaan Perancis masih menyalu-alukan kedatangan migran atas dasar kemanusiaan. Namun, kerajaan Perancis sudah pasti akan mengambil langkah lebih ketat terhadap setiap migran yang diterima bagi mengekang kemasukan individu tertentu yang berisiko terhadap keselamatan negara serta rakyatnya.

keganasan oleh segelintir penganut agama Yahudi terhadap penduduk Islam di Palestin serta keganasan oleh kumpulan radikal seperti Klu Klux Klan yang beragama Kristian terhadap penduduk kulit gelap di Amerika Syarikat.

Serangan di Perancis dari satu sudut menunjukkan seriusnya ancaman IS. Selaku Pengerusi ASEAN, apa peranan yang boleh dimainkan Malaysia dalam memperjuangkan isu keselamatan di rantau ini mengambill kira serangan sama tidak mustahil boleh berlaku di negara ini?

Pelbagai langkah boleh serta perlu diambil Malaysia bagi membendung masalah keganasan yang dilakukan militan IS serta kumpulan pengganas lain seperti menjalinkan kerjasama serantau dan memberi didikan serta kesedaran terhadap semua penduduk serta rakyat negara ASEAN mengenai bahaya masalah pengganas.

Selain itu, generasi muda di seluruh negara ASEAN perlu diberi pendidikan untuk lebih memahami perjuangan kumpulan militan yang sedang menganas adalah salah dan menyimpang daripada ajaran agama serta bertentangan dengan prinsip kemanusiaan.

Pendedahan mengenai ancaman dan ugutan diterima beberapa pemimpin negara seperti didedahkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengejutkan kita. Apa ulasan Dr?

Ancaman dan ugutan dibuat terhadap individu serta pemimpin tertentu dibuat pihak pengganas bertujuan menunjukkan kuasa mereka kepada masyarakat umum serta pada masa sama bagi melahirkan perasaan takut dalam kalangan pemimpin serta orang ramai serta mewujudkan suasana panik dalam negara bagi memudahkan mereka melakukan aktiviti keganasan.

Pihak keselamatan negara seperti polis perlu mengambil langkah berjaga-jaga menjaga serta melindungi keselamatan pemimpin negara serta orang ramai daripada sebarang tindakan keganasan.

Malaysia pernah mengalami elemen keganasan seperti kes Al-Maunah di Perak dan anggota Jemaah Islamiah (JI), Noordin Mat Top dan Mas Selamat. Apakah pengikut mereka ini berpotensi menjadi ancaman kepada negara dalam bentuk baru seperti IS dan sebagainya?

Ya, kumpulan terbabit berpotensi menjadi ancaman kepada negara jika tiada tindakan pencegahan awal diambil. Namun, dari sudut perundangan, Malaysia sudah memiliki undang-undang pencegahan yang baik bagi membendung kegiatan keganasan seperti Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 (Pindaan dan Penerimaan 2014), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Hasutan 1948, dan lain-lain. Apa yang perlu sekarang ialah tindakan pemantauan serta penguatkuasaan berterusan dan lebih berkesan oleh pihak berkuasa bagi membendung sebarang aktiviti keganasan.

Dalam kes di Lahad Datu, Sabah, kita berdepan ancaman anggota kumpulan Abu Sayyaf yang turut terbabit penculikan beberapa rakyat negara ini? Apa pandangan Dr?

Kerajaan Filipina harus lebih serius serta komited dalam menangani ancaman pengganas yang dilihat berkumpul di selatan negara mereka.

Agak sukar untuk Malaysia melakukan sebarang aktiviti penguatkuasaan memandangkan kumpulan terbabit berlandung di kawasan dalam negara asing dan ia memerlukan kerjasama pihak berkuasa kedua-dua negara.